



Ketua Menteri Persekutuan dan yang di-Pertua Agung UMNO Tengku Abdul Rahman di dalam ucapan menyambut ulang tahun yang kesepuluh UMNO di antara lain-lain dikatakan berkata: "Nampaknya kepada mata dan fikiran ahli-ahli UMNO bahawa ketua-ketua dan pemimpin-pemimpinnya tidak jujur maka tidaklah menjadi halangan bagi mengubah mereka". Ucapan ini adalah sebagai jawapan kepada perasaan-perasaan tidak puas hati orang-orang UMNO terhadap kepada pucuk pimpinannya. Cara ucapan ini adalah sebagai suatu cabaran kepada ahli-ahli UMNO supaya jangan bersuara dan memberi perasaan dan fikiran – harus taat sahaja! Kalau suruh begini tentulah "kediktatoran" – kata orang Indonesia – dan kesudahannya ahli-ahli UMNO tidak usah bersuara dan ribut-ribut lagi – Bung! Serahkan sahaja kepada bijaksana mereka – habis perkara.

Dahulu ahli-ahli diayah UMNO tatkala mengadakan langkah-langkah dalam pilihanraya berpiket-piket supaya British keluar dari Malaya – penjajahan British mesti dihapuskan dari tanah air kita! Siapa yang membangkang faham itu dituduh tali barut penjajah – perkakas penjajah dan seumpamanya. Sekarang sesudah kerajaan Perikatan berdiri maka mereka sekarang hendak merancangkan pergi ke London untuk meminjam wang! Bagaimana? Kalau sudah mahu halau orang maka mengapa sekarang menadah tangan kepadanya? Jawablah wahai tukang-tukang gendangnya!!

Dr Ismail bin Datuk Abdul Rahman Menteri Perniagaan dan Perusahaan di dalam kenyataannya di Perak menyatakan bahawa Parti Komunis telah mencuba memasukkan jarumnya dalam UMNO untuk memecah-mecahkan pertubuhan itu. Dengan ini, nampaknya tuduhan cara penjajahan itu telah timbul di dalam pemimpin-pemimpin UMNO untuk menuduh orang-orang yang tidak berpuas hati dengan pucuk pimpinan sebagai orang-orang Komunis. Alhamdulillah cara penjajahan nampaknya harus telah menjalar kepada bangsa sendiri!

Merdeka, Bung!

Albar mengatakan di Pulau Pinang bahawa pemimpin-pemimpin UMNO yang berkhianat akan ditendang keluar oleh ahli-ahli UMNO sendiri dan kemudian pemimpin-pemimpin baharu akan dilantik mengambil tempatnya. Syabas Albar – mudah-mudahan orang-orang UMNO akan mengotakan yang demikian sekali pun kepada pucuk pimpinannya jika ia didapati berkhianat kepada masalahat bangsa (ingat bukan kaum) Melayu.

Setiausaha Agung UMNO, A. Senu Bin Abdul Rahman, menyeru supaya semua pemimpin-pemimpin Perikatan mementingkan soal parti, bangsa dan negaranya lebih daripada kepentingan dirinya sendiri dan kawasannya sahaja. Daripada ini orang-orang tentu bertanya kerana yang diseru pemimpin-pemimpin Perikatan: Apakah corak rupa bangsanya Perikatan itu, Bung Senu?!

Beliau juga menyelar ahli-ahli UMNO yang membangkang penyata pelajaran itu sebagai satu cara hendak mencari nama dalam kawasan masing-masing sahaja. Bagus, Bung! Kalau begitu tidak payah lagi tiap-tiap orang memberi fikiran – apa yang ditetapkan – buat sahajalah – tiap-tiap orang kunci mulutnya – habis perkara.

Presiden Haji Sukarno apabila sampai di Honolulu lalu dikalungkan bunga oleh seorang ratu kecantikan yang kemudian mencium kedua-dua pipinya. Kemudian apabila hendak berpisah Presiden Haji Ahmad Sukarno meminta izin kepada wanita itu membenarkannya mencium pipinya sebagai balasan dan kemudian Presiden menciumnya.

Untung masa itu tidak ada Bu Fatmawati dan

Bu Hartini kalau tidak waduh!

- Cemati al-Farouk.